

WPKL-BKP(G)-AK14 : PENGENDALIAN SEALAN FISUR

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
JP U29	1. Jalankan saringan semasa pemeriksaan dan diagnosa dilakukan di bawah Program Pergigian Inkremental Tahun 1 – Tahun 6.
JPU29	2. Buat penilaian keatas fisur selan yang dilakukan tahun lepas
JP U29	3. Kemaskini kad rawatan LP8
JP U29	4. Kenalpasti murid sekolah rendah yang berisiko karies gigi yang tinggi.
	5. Kriteria yang diambilkira untuk menilai pelajar yang berisiko tinggi termasuk : <ul style="list-style-type: none"> • Karies pada satu atau lebih molar kekal pertama atau ke 2 • Karies pada gigi molar kekal pertama : timbangkan pengapan fisur gigi molar kekal ke 2 • $dfx > 3$ di peringkat kegigian campuran semasa tadika / Tahun 1, 2 dan 3 • kebersihan mulut yang tidak memuaskan masalah perubatan
	6. Rujuk <i>Guidelines For A School Based Fissure Sealant Programme</i>
JP U29/PPK	7. Sediakan alat-alat dan bahan yang di perlukan. Gunakan borang WPKL-BKP(G)-SS2 – Senarai Semak Peralatan/Bahan Pergigian semasa lawatan ke Sekolah Rendah/Menengah
JP U29	8. Jalankan rawatan sealan fisur pada gigi murid yang telah di kenalpasti
JP U29	9. Rekod butiran rawatan selan fisur yang telah dijalankan
JP U29	10. Beri identifikasi keatas kad rawatan yang mempunyai rekod rawatan sealan fisur
JP U29	11. Rekodkan dalam <ul style="list-style-type: none"> • PG 307, • PG 301, • PG 201 apabila rawatan untuk peringkat sekolah sudah selesai
JP U29	12. Isi maklumat rawatan sealan fisur peringkat sekolah kedalam <ul style="list-style-type: none"> • Appendix 2 <i>Fissure Sealant Treatment Need and Treatment Rendered By Year Of School Children</i> dan • Appendix 3 <i>Trend Data Of Decayed Teeth With Occlusal Caries In Year 6 Children Over 5 Year.</i>
	13. Hantar satu salinan kepada PPYM
PPYM/JP U32	14. Kumpulkan semua Appendix 2 dan Appendix 3 untuk semua sekolah dibawah jagaan yang telah selesai rawatan.
	15. Hantar satu salinan kepada PPD Zon.

WPKL-BKP(G)-AK14 : PENGENDALIAN SEALAN FISUR

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
PPD ZON/ JP U32/36 Penyelaras Program	<p>16. Kumpul dan cantumkan semua Appendix 2 dan Appendix 3 untuk semua klinik dibawah zon yang telah selesai rawatan.</p> <p>17. Panjangkan salinan Appendix 2 dan Appendix 3 kepada penyelaras program</p> <p>18. Kumpulkan Appendix 2 dan Appendix 3 dari semua zon.</p> <p>19. Sediakan laporan pencapaian program fisur selan setiap 6 bulan untuk dibentang semasa mesyuarat</p>
PP/JP	<p align="center">RAWATAN SEALAN FISUR</p> <p>1. Kenalpastikan gigi yang hendak dibuat rawatan fisur selan.</p> <p>2. Jalankan profilaksis menggunakan pumis dan air.</p> <p>3. Irigasikan gigi menggunakan air daripada <i>3-way syringe</i> yang didapati daripada kompresor bebas minyak.</p> <p>4. Asingkan dan keringkan gigi.</p> <p>5. Etsa asidkan permukaan enamel mengikut arahan pengeluar. Gigi dibilas, diasinkan dan dikeringkan dengan berhati-hati untuk mengelakkan kontaminasi daripada air liur. Pesakit tidak dibenarkan berkumur.</p> <p>6. Periksa samada permukaan enamel kelihatan berkapur atau pudar. Jika tiada, ulangi langkah 4 dan 5.</p> <p>7. Pastikan jenis bahan pengapan fisur yang hendak digunakan.</p> <p class="list-item-l1">A. Jika bahan pempolimeran cahaya:</p> <ul style="list-style-type: none"> I. Sapukan bahan di liang dan fisur. II. Elakkan udara daripada terperangkap. III. Polimerkan menggunakan unit pempolimeran cahaya. <p class="list-item-l1">B. Jika bahan swapolimeran:</p> <ul style="list-style-type: none"> I. Bancuh resin di dalam bekas yang disediakan. II. Sapukan bahan di liang dan fisur dengan berhati-hati untuk mengelakkan lebihan bahan dan perangkap udara. III. Sapuan harus disiapkan mengikut had masa kerja yang ditetapkan oleh pengeluar. <p>8. Pastikan bahan set</p> <p>9. Periksa pinggir pengapan. Jika terdapat defisiensi, ulangi langkah 4-7.</p> <p>10. Periksa oklusi. dengan kertas artikulating dan ratakan gigitan tinggi dengan <i>white stone</i>.</p>